

Soalan 3

Imbangan Duga berikut diperoleh daripada buku perniagaan Mazenah Book Store pada 30 Jun 2018.

Mazenah Book Store		
Imbangan Duga pada 30 Jun 2018		
Jualan		129 200
Belian	104 800	
Pulangan masuk		1 200
Bank (overdraf)		5 600
Sewa diterima	11 760	
Hutang lapuk terpulih	790	
Akaun Belum Terima	14 760	
Akaun belum Bayar		31 640
Ambilan		2 380
Kadar bayaran	4 200	
Kenderaan (kos)	45 000	
Lengkapan (kos)	9 700	
Inventori 1 Julai 2017	27 860	
Inventori 30 Jun 2018	30 850	
Susut nilai kenderaan	29 720	
Faedah overdraf bankT		280
Pulangan keluar		1 470
	<u>279 440</u>	<u>171 770</u>

- (a) Imbangan Duga tersebut tidak seimbang. Anda dikehendaki menyediakan semula Imbangan Duga berkenaan selepas mengenal pasti kesilapan kesilapan dan ketinggalan butiran.

Mazenah Book Store		
Imbangan Duga pada 30 June 2018 (terselaras)		
	RM	RM
Jualan		
Belian		
Pulangan Masuk		
Bank (overdraf)		
Sewa diterima		
Hutang lapuk terpulih		
Akaun belum terima		
Akaun belum bayar		
Ambilan		
Kadar bayaran		
Kenderaan (kos)		
Lengkapan (kos)		
Inventori 1 Jul 2017		
Susut nilai kenderaan		
Faedah overdraf bank		
Pulangan keluar		
Inventori 30 Jun 2018		

(b) Setelah Imbangan Duga disediakan di 6(a), kesilapan berikut telah ditemui :

- (i) Belanja kenderaan RM200 telah direkodkan dalam Akaun kenderaan.
- (ii) Kadar bayaran yang telah dijelaskan dengan cek sebanyak RM369 telah direkodkan sebagai RM396.
- (iii) Cek yang diterima daripada akaun belum terima dan dibankkan bernilai RM640 telah dipulangkan dan ditanda 'Rujuk Penyuruh Bayar' oleh bank.
- (iv) Belian barang niaga RM700 telah didebitkan dalam Akaun Belian sebagai RM770, manakala Akaun Kadar bayaran telah berkurang catat sebanyak RM70.
- (v) Nota kredit RM540 daripada pembekal telah didebitkan dalam Akaun Pulangan Keluar dan dikreditkan ke dalam Akaun Belum Terima.

Anda dikehendaki menyediakan catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan berkenaan. Keterangan tidak diperlukan.

[illegible]